

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KES NO. 5/3-204/04

DI ANTARA

HSBC BANK MALAYSIA BERHAD

DENGAN

PERSATUAN PEGAWAI-PEGAWAI HSBC BANK MALAYSIA BERHAD

AWARD NO: 1423 TAHUN 2007

Dihadapan : **TUAN CHEW SOO HO - PENERUS**

Tempat : Mahkamah Perusahaan Malaysia, Kuala Lumpur

Tarikh Rujukan : 6.1.2004

Tarikh Sebutan : 16.3.2004, 24.6.2004, 25.3.2005, 12.4.2005, 29.9.2005, 10.5.2006, 5.3.2007, 16.4.2007, 18.5.2007, 25.6.2007 & 10.7.2007

Tarikh Bicara : -

Perwakilan : Cik Mehala dari Tetuan Muhendaran Sri,
peguamcara yang mewakili Pihak Persatuan

Cik Diana Oon, Presiden Persatuan dan Cik Patricia Rasiah,
Setiausaha Persatuan sebagai wakil pihak Persatuan

Encik Wong Kian Jun dari Tetuan Shearn Delamore
& Co., peguamcara yang mewakili Pihak Bank

Rujukan :

Ini adalah satu rujukan oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia, Malaysia di bawah Seksyen 26(2) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 di antara **HSBC Bank Malaysia Berhad** (selepas ini disebut sebagai "Pihak Bank") dan **Persatuan Pegawai-Pegawai HSBC Bank Malaysia Berhad** (selepas ini disebut sebagai "Persatuan").

AWARD

Rujukan ini di bawah Seksyen 26(2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia adalah berpunca daripada pertikaian perusahaan di antara Persatuan Pegawai-Pegawai HSBC Bank Malaysia Berhad, (Persatuan) dan HSBC Bank Malaysia Berhad, (Pihak Bank) mengenai pertukaran pembayaran bonus dari uniform system kepada variable system.

2. Kes ini telah dibangkitkan untuk sebutan pada 10 Julai 2007 dengan kehadiran Cik Mehala dari Tetuan Muhendaran Sri, peguamcara yang mewakili Persatuan dan Encik Wong Kian Jun dari Tetuan Shearn Delamore & Co., peguamcara yang mewakili Pihak Bank. Cik Diana Oon, Presiden Persatuan dan Cik Patricia Rasiah, Setiausaha Persatuan tersebut turut hadir.

3. Cik Mehala memaklumkan Mahkamah bahawa kedua-dua pihak telah mencapai penyelesaian damai di dalam kes ini dengan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan akibat penyelesaian tersebut, beliau diberi arahan oleh Persatuan untuk menarik balik kes ini dan seterusnya beliau memohon kes ini ditarik balik. Cik Diana Oon dan Cik Patricia Rasiah mengesahkan penyelesaian tersebut dan hasrat Persatuan untuk menarik balik kes ini. Encik Wong Kian Jun juga mengesahkan penyelesaian kes ini dan memohon agar ia dibatalkan tanpa kebenaran untuk dipohon semula.

Maka Mahkamah dengan ini mengeluarkan Award membatalkan kes ini tanpa kebebasan untuk ia dipohon semula.

DIPERTURUNKAN DAN BERTARIKH PADA 10 JULAI 2007

**(CHEW SOO HO)
PENGERUSI
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**